**EDITOR, MEJA BERITA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KENYATAAN MEDIA

**KUALA LUMPUR (21 MAC 2021)** - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) memperingati Hari Antarabangsa Penghapusan Diskriminasi Perkauman yang disambut pada tanggal 21 Mac setiap tahun. Tema pada tahun ini "Belia Berdiri Teguh Menentang Perkauman" mengiktiraf peranan belia yang semakin meningkat dalam masyarakat dan dalam menentukan masa depan negara.

Penggunaan teknologi dalam talian meningkat dengan ketara berikutan pandemik COVID-19 dan amalan norma baharu dan ia menjadi medium komunikasi dan penyampaian maklumat utama segenap lapisan masyarakat. Malangnya, media sosial telah disalah gunakan oleh sesetengah pihak untuk mengaibkan dan menyalahkan orang lain secara umum dengan serangan secara lisan, perkauman dan kenyataan xenofobia terhadap etnik-etnik dan kewarganegaraan tertentu. Majoriti daripada pengguna media sosial merupakan golongan belia dan tanpa bimbingan yang sewajarnya, ia akan memberi risiko memburukkan lagi perkauman dan sikap tidak bertolak ansur.

SUHAKAM menggesa Kerajaan untuk meningkatkan usaha dalam melaksanakan dasar dan langkah-langkah bagi menangani ucapan berunsur kebencian di Malaysia serta menyediakan platform terbuka untuk belia dan pelbagai lapisan masyarakat untuk berbincang dan menangani isu diskriminasi di Malaysia. Ini boleh dilakukan dalam bentuk dialog antara budaya dengan tujuan untuk mempromosi sikap bertolak ansur dan hormat menghormati bersama dalam masyarakat yang berbilang kaum dan budaya di Malaysia.

SUHAKAM ingin menekankan akan kepentingan untuk memupuk budaya bertolak ansur, kesaksamaan dan tiada diskriminasi dalam kalangan belia kerana mereka yang akan membina masyarakat yang adil, aman damai dan lestari pada masa hadapan. SUHAKAM mengulangi seruan agar Kerajaan meratifikasikan Konvensyen Antarabangsa Tentang Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD) kerana ia dapat menjadi pemangkin kepada usaha yang lebih bersepadu untuk mempromosi dan melindungi hak asasi manusia tanpa mengira ras, warna kulit, keturunan, kewarganegaraan atau asal keturunan etnik.

**-TAMAT-**

**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**
**21 Mac 2021**

*Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my*